

Tarikh : 30/8/2021 (Isnin)

Masa : 11:45 pagi hingga 1:45 tengah hari.

Tajuk: Teknologi di Hujung Jari .

Aspek Tatabahasa. Rujuk halaman 132

Latihan 1:

Kenal pasti ayat-ayat di bawah sama ada ayat tunggal atau ayat majmuk.

1. Encik Karim menggalakkan Azim dan Amira menggunakan kemudahan teknologi dalam perkhidmatan. 
2. Hari ini, ayah akan memperkenalkan teknologi belian pantas dan cekap dengan menggunakan kiosk layan diri di restoran makanan ini. 
3. Kiosk canggih ini menggunakan kemudahan sistem pesanan elektronik. 
4. Pekerja memberitahu ayah bahawa mesin ini menggunakan teknologi telekomunikasi dan Internet. 
5. Kita hanya menyentuh paparan skrin kiosk ini. 
6. kita boleh membayarnya secara kad kredit. 
7. Melaka Sentral menyediakan kemudahan jualan tiket pengangkutan awam. 
8. Kiosk pintar ini menggunakan kemudahan sistem belian secara elektronik. 
9. Encik Karim juga memilih jenama syarikat pengangkutan bas. 
10. Pengguna dapat mengakses tiket dengan pantas. 